

# Konsep Komunisme Terhadap Islam

Di antara ideologi atau fahaman yang sangat membahayakan umat manusia dewasa ini khususnya terhadap

orang-orang Islam ialah “komunisme” atau “fahaman bersama-sama”. Komunisme adalah suatu faham dari pengikut-pengikut Marxisme yang hendak mencapai tujuannya dengan jalan revolusi menjatuhkan kapitalisme dan mendirikan negara diktator proletariat.

Oleh: Ibrahim Haji Abdullah

## Pengasas Komunisme:

Pengasasnya yang terkenal ialah Karl Marx (1818-1882) beliau orang Jerman, tetapi ajarannya tidak begitu subur di tanah airnya, lalu ia berhijrah ke Rusia menyebarkan ideologinya. Tak berapa lama konsepnya itu mendapat sambutan yang baik di sana. Pengikut-pengikutnya diberi nama “Marxisme” antara murid-muridnya yang terkenal dan popular ialah Lenin, Stalin, Kalinin, Radek dan Trotsky.

## Dasar ajaran Marx:

Ajaran Marx yang berdasarkan *“history materialism”* menganggap agama itu sebagai “dongeng-dongengan” buatan manusia. Menyebabkan revolusi komunis lebih cepat masuk ke Rusia. Maharaja Tsar Rusia sendiri sebagai ketua agama, dibunuh bersama-sama kaum keluarganya, bahkan dicincang hidup-hidup. Istana Kremlin sekali lagi dijadikan kandang kuda.

Dalam tahun 1917 berhasillah maksud mereka setelah menumbangkan

pohon kerajaan Tsar diganti dengan pemerintahan “kaum buruh”. yang mempercepat matangnya revolusi tersebut disebabkan oleh seorang paderi “Rasputin” yang mempergunakan agama sebagai alat untuk mencapai kehendak hawa nafsunya yang durjana. Dipergunakan semboyan yang terkenal: “agama itu candu yang meracun rakyat”. “Agama itu hendaklah dihapuskan”, anggapan mereka agama itulah yang menyebabkan alat imperialisme.

## Proklamasi munafik:

Pada 7 Disember 1917, pemimpin-pemimpin komunis telah mengeluarkan satu proklamasi munafik yang ditujukan kepada seluruh daerah-daerah Islam di Rusia dipancarkan melalui radio sebagai berikut:

“Kepada saudara-saudaraku kaum Muslimin di Rusia ... bangsa Tatar yang mendiami di tanah tinggi Bulga dan Kremia, bangsa Khirgis dan Sarat di Siberia dan Turkestan, bangsa Turki dan Tatar di Trans Caucasia, penghuni daerah pergunungan Caucasus, kepada seluruh mereka yang kehancuran masjid-masjid dan rumah-rumah

ibadat mereka dan kepada seluruh mereka yang kemusnahan agama dan adat lembaga mereka di bawah pijakan pemerintah-pemerintah maharajalela Rusia, kepada seluruh mereka ini kami isytiharkan bahawa mulai hari ini, agama saudara-saudara adat lembaga saudara, kebangsaan saudara dan kebudayaan saudara adalah bebas dan tidak boleh dicerobohi lagi. Susunlah kehidupan nasional saudara dengan sebebas-bebasnya tanpa lewat dan bertempoh lagi. Ini adalah hak mutlak saudara-saudara. Di samping itu, yakinlah saudara-saudaraku bahawa seluruh hak saudara juga hak-hak seluruh bangsa Rusia akan diperlindungi secukup-cukupnya oleh seluruh kekuatan peralatan revolusi.”

## Rumah-rumah ibadat dirampas:

Dengan teknik yang munafik itu, umat Muslimin tenggelam dalam arus kehidupan yang serba pahit dan sukar. Kira-kira dua puluh ribu buah masjid dalam tahun 1907 telah dirampas dijadikan milik negara dan seluruh sekolah-sekolah agama juga tempat pengajian-pengajian Islam dihapuskan

## Konsep Komunisme

sama sekali. Dalam zaman pemerintah Kroshov pun penentangan terhadap agama itu masih dilanjutkan lagi.

Komunisme mengajarkan “agama itu candu yang meracun rakyat” kerana mereka suka hidup seseorang itu di umbang-ambing oleh debu kemiskinan dan kepapaan supaya segala nikmat di dunia dapat dibolot oleh ketua-ketua atau pemimpin-pemimpinnya baik secara terang atau pun secara tersembunyi, dasar komunis ialah hanya mementingkan mata benda. Mereka menganggap bahawa manusia itu adalah patung yang tak bernyawa. Komunis juga berusaha memberi berbagai mata benda kepada orang ramai agar dipengaruhi.

Komunis in ialah suatu “*nubuwah*” yang sesat dan satu akidah yang sangat membahayakan umat manusia. Faham komunis hanya boleh melahirkan sifat-sifat yang rendah seperti dengki, khianat, tamak, iri hati dan sebagainya. Tegasnya ia adalah suatu teori yang tak sesuai untuk peri kehidupan manusia.

### Islamisme yang hidup dan abadi:

Al-Qur'an menganjurkan supaya tiap-tiap orang tidak melupakan tentang bahagian mereka baik di dunia dan di akhirat firman-Nya: “*Wa abtaghi fitmā ātāka Allāhu al-dāra al-ākhīrati wa lā tansa naṣībaka min al-dunyā*” – *Sūrah al-Qaṣāṣ* ayat (77) maksudnya: “Tumpukanlah kemahuan mu untuk negeri akhirat apa juga perkara yang dikurniakan Allah kepadamu dan janganlah kamu lupukan bahagianmu daripada dunia” dan firman-Nya lagi dalam *Sūrah al-Baqarah*

ayat 168 berbunyi “*Yā ayyuhā al-ladhīna āmanū kulū māfī al-ardī ḥalālā tayyibā*.<sup>1</sup>” Maksudnya: “Wahai sekalian mereka yang beriman, makanlah yang halal lagi baik daripada yang ada di bumi.”

Islam menggalakkan seseorang itu supaya jangan menjadi beku dan cuai di dunia, kerana semuanya ini adalah nikmat Tuhan untuk kegunaan mereka di dalam dunia sehingga mencapai kebahagiaan yang abadi di akhirat kelak. Nabi Muhammad *sallā Allāhu 'alayhi wa sallam* pun bersabda: “*I'malu lidunyāka ka'annaka ta'išu abadā wa 'mal li ākhiratika ka'annaka tamūtu ghadā*” maksudnya: “Bekerjalah untuk duniamu seolah-olah engkau akan hidup selama-lamanya, dan beramallah untuk akhiratmu seolah-olah engkau akan mati besok pagi.”

Islam juga menegah seseorang itu bacul, pengecut, hina dan seumpamanya, diperintahkan supaya mengangkat senjata kalau perlu bagi menentang pencerobohan dari luar. Firman Tuhan: “*Wa qātilū fī sabīli Allāhi alladhīna yuqātilūnakum wa lā ta'tadū*<sup>2</sup>” – maksudnya: “Peringilah olehmu sekalian mereka itu yang memerangi jalan Allah yang memerangi kamu dan jangan kamu sekalian ceroboh-menceroboh.”

### Bertolak ansur dalam Islam:

Nyatalah sudah bahawa ceroboh-menceroboh itu adalah dilarang keras oleh Islam. Islam juga menitik berat kepada soal pertumpahan darah dan peperangan. Akan tetapi barang siapa menceroboh kepada satu pihak yang lain maka dikehendaki melakukan pencerobohan itu ke atasnya pula. Sebagaimana firman Tuhan: “*Faman i'tadū 'alaykum fa'tadū 'alayhi bimithli*

*mā i'tadā 'alaykum*<sup>3</sup>” – maksudnya:

“Barang siapa mencroboh ke atas kamu maka balaskanlah pencerobohan di atasnya sebagaimana pencerobohan ke atas kamu.”

Islam mewajibkan memerangi kezaliman untuk menolak pencerobohan asing atau menahan pencerobohan antara dua pihak yang sesama Islam. Orang-orang komunis juga menuduh: “Bahawa segala agama itu menjadi alat untuk memperhambakan masyarakat agar berkhidmat kepada kaum kapitalis.” Tuduhan tersebut tidaklah terkena ke atas Islam kerana sejarah telah mengakui bahawa ketua-ketua tanah Arab telah mendapat untung berganda-ganda daripada riba dan menyembunyikan barang-barang perniagaan (*iḥtakār*), maka Islam datang mengharamkan riba’ itu dengan sekeras-kerasnya seperti firman Allah: “*Yā ayyuhā alladhīna āmanu lā ta'kulū al-ribā ad'āfā muḍā'afata wāttaqū Allāhu la'allakum tuflīhūn*<sup>4</sup>” Maksudnya: “Wahai mereka yang beriman janganlah kamu sekalian makan riba’ berganda-ganda, dan takutlah kamu sekalian akan Allah mudah-mudahan kamu mendapat kemenangan.”

### Keadilan dalam Islam:

Orang komunis juga menuduh: “Timbulnya agama untuk berkhidmat kepada ketua atau orang-orang yang berkuasa mengekalkan mereka itu.” Islam memberi persamaan hak kepada semua manusia, tidak hendak mempertahankan mana-mana golongan atau kelas di dalam masyarakat. Islam berkhidmat semata-mata kepada Allah dan memerintah seluruh manusia supaya taat setia kepada Allah. Firmannya lagi: “*Wa mā arsalnāka illā kāffati linnāsi*

<sup>1</sup> Ayat sebenarnya ialah “*Yā ayyuhā al-nāsu kulū mimma fi al-ardī ḥalālā tayyibā*.

<sup>2</sup> Surah al-Baqarah: 190

<sup>3</sup> Surah al-Baqarah 194

<sup>4</sup> Surah Ali Imran: 130

## Konsep Komunisme

**bashīrā wa nadhīrā**". Maksudnya: "Tidaklah kami utuskan engkau hai Muhammad melainkan kepada seluruh umat manusia memberi khabar gembira kepada mukminin dan khabar duka kepada kafirin."

Jadi nyatahah sudah bahawa tuduhan-tuduhan komunis terhadap Islam tidaklah tepat dan jitu. Apakah sebabnya mereka memusuhi Islam? Sebab orang-orang komunis itu mengetahui bahawa agama Islam tidak seperti agama-agama yang lain yang sanggup mencabar komunis dalam segenap jurusan hidup.

Lebih-lebih lagi bila lahir kurun kedua puluh ini, Islam masih sanggup mempersesuaikan dirinya dengan segala kemodenan yang sihat di mana melemahkan segala musuhnya di dalam segala perperangan yang dilancarkan tentang penjajahan dan faham *ilhād* (faham tak bertuhan) atau mengingkari adanya Tuhan.

### Penindasan-penindasan terhadap Islam:

Ada pun usaha komunis dapatlah disimpulkan begini:

- (1) Menjalankan dasar penindasan yang tidak mengenal kasihan belas ke atas orang-orang Islam
- (2) Memburuk-burukkan Islam
- (3) Menegah orang-orang Islam mempelajari isi al-Qur'an
- (4) Diambil anak orang-orang Islam dimasukkan ke dalam tempat didikan komunis.
- (5) Menegah orang-orang Islam mengerjakan haji ke Baitullah al-Haram kecuali di bawah pengawasan ejen-ejennya.

Atas konsep-konsep inilah fahaman komunis itu menjalar ke segenap pelosok dan rantau di seluruh dunia. Melihat bahayanya fahaman tak bertuhan ini, tiap-tiap bangsa dan umat harus berjaga-jaga dan berwaspada supaya jangan dipengaruhi oleh faham tersebut. Sesebuah negeri yang telah dipengaruhi ajaran ini, alamat rakyat akan tertindas dan runtuh sebagaimana yang terjadi di Indonesia tahun 1965 dulu

Kesimpulannya usaha dan kegiatan komunis untuk meleburkan negara kita Malaysia ini tidaklah mungkin terjadi selagi ajaran-ajaran Islam masih kuat dan teguh di dada bangsa, sebaliknya keruntuhan segera akan datang kiranya orang-orang mencuaikan ajaran-ajaran tersebut.

Sejarah kemanusiaan khususnya cita-cita komunis sejati belum akan dapat menghancurkan "Islam" sebab kekuatan umat manusia di bumi ini belum akan berhasil menghapuskan kekuasaan zat yang Maha Agung itu.

### Sumber-sumber kajian:

Falsafah Politik Moden – Abdullah Muhammad Nakula  
Revolusi Agama – Dr Hamka  
Majalah Dian (April 1963)  
Nota-nota maktab yang disampaikan oleh Ustaz Wan Hussein Azmi

### Kata-kata Hikmah

Kalau dalam penghidupan penuh dengan berbagai-bagai cubaan, maka percubaan-percubaan itu menjadi cermin bagi penghidupan.

(Walter Scott)

## Ucapan terima kasih

Telah tiba di meja kita sebuah majalah baru (tulisan Rumi) yang berdasar agama, kebudayaan, pengetahuan dan sejarah, hadiah dari pengarangnya. Majalah itu bernama:

### "Majalah Lembaga Alam Islam."

Majalah tersebut menurut pengarangnya ialah terjemahan kandungan bahasa Inggeris (World Muslim League Magazine) yang ditulis oleh cerdik pandai dan intelek-intelek Islam yang terdiri dari para pendeta, pensyarah-pensyarah universiti, pemimpin-pemimpin bangsa, pada doktor, peguam-pegawai dan pengarang-pengarang yang bijaksana dan bestari dari seluruh dunia,

Majalah baru ini diterbitkan oleh Datuk Syed Ibrahim bin Omar al-Sagof di Singapura.

Kita mengalu-alukan akan kelahiran rakan kita itu dengan penuh harapan semoga ia dapat memberikan sumbangan yang lebih besar di lapangan perkembangan Islam dan ilmu pengetahuan di negeri kita ini.

Atas hadiah itu kita ucapkan banyak terima kasih.

### Pengarang Majalah Qalam

